



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[RELIGIOUS THOUGHTS AMONG ISLAMIC YOUTH IN MALAYSIA:  
A PIONEER STUDY]**

**PEMIKIRAN TIDAK BERAGAMA DALAM KALANGAN BELIA ISLAM DI  
MALAYSIA: SATU KAJIAN RINTIS**

NORSALEHA MOHD. SALLEH<sup>1\*</sup>

AHMAD MUNAWAR ISMAIL<sup>2</sup>

NOOR HAFIZAH MOHD. HARIDI<sup>1</sup>

ZAINORA DAUD<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

<sup>2</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

\*Corresponding author: [norsaleha@kuis.edu.my](mailto:norsaleha@kuis.edu.my)

Received Date: 9 Januari 2015 • Accepted Date: 9 April 2015

**Abstract**

*This paper discusses the unbelief thought among Muslim youth in Malaysia. Unbelief is a term that refers to the absence of adherence to religion in the context of free lifestyle practice which is centered on human rights. In addition, it also includes an understanding that is rooted in humanism, secularism, pluralism and liberalism. This study aims to analyze the level of unbelief thought based on the following domains: knowledge, perception and attitude of Muslim youth towards humanism, secularism, pluralism and liberalism. A pilot study was conducted to identify the level of unbelief thought among Muslim youth. The research instrument were distributed to 43 respondents in one of the Higher Learning Institutions in Selangor. The questionnaire instrument was constructed by a group of researchers and its content was validated by a panel of experts. The reliability of the research instrument was valued based on Cronbach Alpha; it obtained a high result of  $\alpha = 0.84$ . The study outcomes demonstrated the mean score for the overall level of unbelief thought among Muslim youth was low (mean = 2.55, sd = 0.28). Whereas the mean score for knowledge constructs was high (mean = 4.41, sd = 0.45), the mean score for perception constructs was low (mean = 1.96, sd = 0.54) and the mean score for attitude constructs was also low (mean = 1.28, sd = 0.31). Additional study was also conducted to measure the level of their Islamic knowledge. The study showed the mean score for the level of the youth's Islamic knowledge was high (mean = 4.93, sd = 0.15). The findings revealed the level of Islamic understanding among Muslim youth was high compared to the level of their unbelief thought, which was low. These findings portrayed despite the existence of a small number of Muslim youth who have deviated from being adherent to religion; there are still a large number of them in Higher Learning Institutions who understand Islamic knowledge highly.*

**Keywords:** *thought, unbelief, Muslim youth, Higher Learning Institution.*

## Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia di Malaysia. Pemikiran tidak beragama merujuk kepada satu istilah ketiadaan pegangan agama dalam konteks mengamalkan cara hidup bebas berpaksikan hak asasi manusia. Pemikiran tidak beragama juga merangkumi kefahaman yang bertunjangkan humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme. Kajian ini bertujuan menganalisis tahap pemikiran tidak beragama berdasarkan domain pengetahuan, persepsi dan sikap golongan belia Islam terhadap fahaman spekulatif tersebut. Satu kajian rintis telah dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia Islam. Instrumen kajian telah diedarkan kepada 43 orang responden di salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Negeri Selangor. Instrumen soal selidik telah dibina oleh kumpulan penyelidik dan kandungannya telah disahkan oleh panel pakar. Kebolehpercayaan instrumen kajian dinilai berdasarkan Cronbach Alpha yang mencapai tahap  $\alpha = 0.84$  adalah tinggi. Hasil kajian menunjukkan skor min bagi keseluruhan tahap pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia Islam adalah rendah (min = 2.55, sp = 0.28). Manakala skor min bagi konstruk pengetahuan adalah tinggi (min = 4.41, sp = 0.45), skor min bagi konstruk persepsi adalah rendah (min = 1.96, sp = 0.54) dan skor min bagi konstruk sikap adalah rendah (min = 1.28, sp = 0.31). Kajian tambahan juga dilakukan bagi mengukur tahap pengetahuan Islam mereka. Kajian menunjukkan skor min bagi tahap pengetahuan Islam belia adalah tinggi (min = 4.93, sp = 0.15). Dapatan ini menunjukkan tahap pengetahuan agama golongan belia Islam adalah tinggi berbanding pemikiran tidak beragama mereka adalah rendah. Dapatan ini menunjukkan sebahagian besar belia Islam di Institusi Pengajian Tinggi masih lagi mempunyai pengetahuan Islam yang tinggi tanpa menafikan wujudnya sebilangan kecil belia Islam yang semakin jauh daripada pegangan agama yang sebenar.

**Kata kunci:** *pemikiran tidak beragama, belia Islam, Institusi Pengajian Tinggi.*

**Cite as:** Norsaleha Mohd. Salleh, Ahmad Munawar Ismail, Noor Hafizah Mohd. Haridi & Zainora Daud. 2015. Pemikiran Tidak Beragama dalam Kalangan Belia Islam di Malaysia: Satu Kajian Rintis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 11(1): 34-46.

## PENGENALAN

Proses globalisasi dan dunia tanpa sempadan secara langsung telah mendedahkan manusia dengan berbagai-bagai perkara sama ada yang baik mahupun yang buruk. Golongan yang mudah terpengaruh dan menerima kesan yang besar kepada proses ini ialah belia, kerana mereka adalah antara golongan yang mudah menerima unsur luar dan menerimanya tanpa tapisan yang bijaksana (Ulwan, 2003). Usia belia yang ditakrifkan bermula pada usia 15 tahun hingga 40 tahun merupakan waktu cabaran bagi menentukan gaya hidup, identiti dan pemikiran seseorang (Wan Ainal Yaquin, 2008). Serangan pemikiran boleh menyerap masuk dalam pemikiran seseorang sama ada melalui saluran media, komunikasi, internet dan lain-lain. Serangan seumpama ini agak sukar untuk ditolak melainkan mereka yang mempunyai pegangan yang jelas tentang agama Islam dan pengajarannya.

## LATAR BELAKANG

Penggunaan istilah pemikiran tidak beragama merupakan suatu istilah yang merujuk kepada

satu gagasan pemikiran yang menolak agama sebagai tempat rujukan manusia (al-Rāwīy, 2009). Malah gagasan pemikiran ini percaya tentang hak asasi manusia yang sepatutnya melakarkan kehidupan mereka sekarang dan akan datang tanpa perlu campur tangan daripada agama dan undang-undang syariat. Gagasan pemikiran ini juga tidak menerima nas al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan hakiki kepada permasalahan umat, malah meletakkan semuanya kepada manusia. Menurut konteks tidak beragama dimaksudkan sebagai deisme, nontisme, ignotisme, anti agama atau humanisme sekular (al-Rāwīy, 2009). Pemikiran ini berasal daripada Barat yang mengamalkan cara hidup bebas yang berpaksikan hak asasi manusia yang bertentangan dengan konsep ajaran Islam (al-Silmiy, 2009).

Gagasan ini diperkenalkan oleh Rocco Caporale dan Antonio Grumelli (1972) melalui tulisan mereka yang bertajuk *The Culture of Unbelief*. Menurut William J. McKinney, Jr. (1972), gagasan ini tidak mempercayai kewujudan Tuhan, walau bagaimanapun mereka tidak mempunyai kemampuan untuk menolak kewujudan Tuhan. Seolah-olah kepercayaan mereka berada antara iman dan ateis akibat keraguan yang timbul dalam diri. Dalam konteks Malaysia, pemikiran tidak beragama telah banyak dikaji oleh sarjana dan diperdebatkan dalam kalangan aktivis Islam, namun istilah pemikiran tidak beragama jarang diketengahkan dalam kajian sebelum ini. Sering ditemui kajian seperti humanisme, sekularisme, pluralisme dan sebagainya. Jelasnya pemikiran ini muncul impak daripada pasca modenisasi dan globalisasi yang dibawa oleh Barat dalam dunia Islam melalui penjajahan, pendidikan dan media yang disalurkan melalui serangan pemikiran. Serangan pemikiran Barat kepada dunia Islam telah menular dan telah berjaya menguasai pemikiran masyarakat, khususnya golongan belia.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam konteks negeri Selangor, ciri-ciri pemikiran tidak beragama boleh dilihat melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh Sister in Islam (SIS Forum), Islamic Renaissance Front (IRF), Projek Dialog, ungkapan yang diketengahkan oleh Benz Ali, golongan belia dalam Universiti Terbuka Anak Muda (UTAM), Oktober Pest, Program I want to touch a dog dan Konsert K-Pop yang hangat diperkatakan dewasa ini.

Sister in Islam (SIS) adalah sebuah syarikat yang telah diasaskan Zainah Anwar, Aminah Wadud dan rakan-rakan (Rafidah Hanim, 2015). SIS melalui laman web dan face book miliknya banyak mempersoalkan keadilan undang-undang hudud ke atas wanita seumpama mereka membantah pesalah yang melakukan sumbang mahram itu dihukum sebat oleh mahkamah syariah. Malah mereka mempersoalkan hukuman sebat kepada wanita yang didapati bersalah minum arak, walaupun wanita terlibat menerima hukum itu dengan lapang dada. SIS ini juga menyokong wanita Muslimah menyertai pertandingan ratu cantik, malah mereka mempertikaikan sistem fatwa yang melarang penglibatan wanita Muslimah dalam pertandingan tersebut. Mereka juga secara terang menyokong kebebasan beragama dan menukar agama bagi orang-orang Islam walaupun ia bertentangan dengan perlembagaan di Malaysia dan agama Islam itu sendiri. Begitu juga mereka mendakwa bahawa berhijab bagi wanita Muslimah bukanlah satu kewajipan malah merupakan satu proses arabisasi daripada negara Arab. Malah SIS juga memperjuangkan pentafsiran semula ayat-ayat al-Quran terutamanya berkaitan pewarisan dalam Islam.

Islamic Renaissance Front (IRF) adalah sebuah pertubuhan yang diketuai oleh seorang doktor perubatan bernama Ahmad Farouq Musa. Dalam tulisannya, Ahmad Farouq (2014) berpendapat sesungguhnya harus difahami bahawa negara bukanlah sesuatu daripada Tuhan tetapi daripada rakyat. Negara harus melayani rakyat keseluruhannya dan bukan hanya kumpulan tertentu berdasarkan agama mereka. Negara harus menjadi neutral dalam semua aspek. Harus juga dinyatakan dengan jelas bahawa negara adalah produk manusia dan menguruskan negara memerlukan daya usaha manusia dan bukannya inspirasi wahyu. Mentadbir negara berada dalam wilayah politik dan bukan dalam wilayah wahyu.

Manakala Projek Dialog (2015) adalah sebuah website yang dianggotai oleh Faisal Tehrani, Benz Ali dan rakan-rakan banyak mempromosi kebebasan beragama, budaya dan mazhab. Malah website ini juga mempromosi kebebasan amalan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang boleh memberi kesan kepada keclaruan identiti seseorang. Khalid Mohd Ismath melalui blog edisi politik (2013) merupakan seorang anak muda yang mendapat perhatian masyarakat kerana kenyataan dan tindakan yang bertentang dengan undang-undang di Malaysia. Dalam satu status pada face book milik akaunnya mendakwa bahawa beliau tidak kisah sekiranya pemimpinnya seorang LGBT, tidak beragama atau sosial. Apa yang penting dia melaksanakan amanah rakyat dan negara serta tidak menyalahgunakan kuasa. Malah kebebasan bersuara yang diperjuangkannya mengakibatkan beliau tanpa rasa bersalah membuat kenyataan berikut:

Penat lelah ahli bawahan PAS buat kerja jatuhkan BN, Ust Azizan Razak semberono naikkan nama pemuda BN dalam TV3 tadi. Ini Sial Celaka. Ungkapan sial dan celaka melalui kenyataan di atas tidak wajar dilontarkan kepada seorang yang lebih dewasa, apatah lagi sekiranya tokoh itu adalah seorang ulama. Malah kecaman seumpama ini tidak menggambarkan peribadi yang berakhlak dan berbudaya Timur. Benz Ali (2014) dalam tulisannya di Website Projek Dialog berkata:

...sesiapa sahaja yang mahu berbeza kepercayaan dengan kita, mahu berbeza Tuhan dengan kita, atau tidak mahu percaya Tuhan sepertimana kita, ditahan dan dirampas kepercayaannya?

Ini beberapa kenyataan yang dibuat oleh berbagai pertubuhan dan individu yang mempunyai ciri-ciri pemikiran tidak berasaskan disiplin agama. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pemikiran seumpama ini mempengaruhi cara fikir golongan belia Islam di Institusi Pengajian Tinggi Negeri Selangor. Rentetan daripada permasalahan, satu kajian perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia negeri Selangor dengan memfokuskan kajian terhadap golongan belia Islam yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Negeri Selangor.

## LITERATUR KAJIAN

Kajian-kajian lepas terhadap pemikiran tidak beragama yang merangkumi aspek humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme ada dilakukan oleh para pengkaji dan sarjana seperti kajian Dr. Anis Malik Thoha (2005) dalam *al-Ta'adudiah al-Diniyah*, Ridwan Mohamad Nor dan Ahmad Adnan Fadhil (2009) dalam *Islam Liberal dan Pluralisme Agama*, Ugi Suharto

(2007) dalam Pemikiran Liberal Islam Liberal, Ghazali Darusalam (1998) dalam Dakwah Islam dan Ideologi Barat, Ismail Mina Ahmad (2012) dalam himpunan kertas-kertas kerja berkaitan isu Pluralisme Agama: Satu Gerakan Iblis memurtadkan Ummah, Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid dan Fadlan Mohd. Othman (2012) dalam himpunan kertas kerja yang berkaitan Islam Liberal Isu dan Reaksi. Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang diutarakan lebih kepada teoretikal dan analitikal daripada aspek kepustakaan. Oleh sebab itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti beberapa aspek untuk menambahkan lagi kepelbagaian kajian dan dapatan berkaitan kajian medan dan penyelidikan kuantitatif. Bagi menjawab persoalan semasa yang berkaitan dengan kesedaran masyarakat terutamanya golongan belia terhadap isu-isu pemikiran yang mengancam akidah, juga sejauh mana golongan belia ini memberi reaksi dari aspek persepsi dan sikap terhadap pemikiran tidak beragama.

Pemikiran tidak beragama diukur melalui domain pengetahuan, persepsi dan sikap. Tiga domain ini diambil kira berdasarkan pandangan al-Ghazālī (2005) yang berpendapat penghayatan akidah itu dikenal pasti melalui pengetahuan, keyakinan dengan hati atau perasaan dan disertai dengan amalan. Begitu juga pandangan Spilka et al. (2003) yang berpendapat pengkajian kepada psikologi keagamaan biasanya dilihat dalam tiga aspek iaitu kognitif, efektif dan tingkah laku. Berdasarkan pandangan inilah, Azma (2006) menggunakan domain kognitif, efektif dan tingkah laku dalam mengukur tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar sekolah menengah kebangsaan. Begitu juga Norsaleha (2015) menggunakan domain pengetahuan, perasaan dan amalan dalam kajian terhadap penghayatan akidah pelajar sekolah menengah. Pendapat ini disokong oleh temu bual dengan pakar-pakar agama di Malaysia yang berpendapat pengukuran yang berkaitan agama mesti melihat kepada tiga domain asasi iaitu tasawur, perasaan dan tingkah laku (Azma, 2006; Norsaleha, 2015).

Kajian terhadap pemikiran tidak beragama merujuk kepada satu istilah ketiadaan pegangan agama dalam konteks mengamalkan cara hidup bebas berpaksikan hak asasi manusia. Pemikiran tidak beragama juga merangkumi kefahaman yang bertunjangkan humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme (al-Silmiy, 2009). Kesemua kefahaman yang membentuk penolakan kepada paksi Tuhan atau Tauhid sebenarnya membentuk pemikiran tidak beragama. Menurut al-Rāwīy (2009) pemikiran tidak beragama merujuk kepada sekularisme yang mengasingkan agama daripada kehidupan duniawi. Malah al-Rāwīy (2009) menggambarkan sekularisme sebagai satu gerakan terancang yang berusaha menarik manusia daripada meletakkan matlamat hidup untuk kehidupan di akhirat kepada kehidupan duniawi semata-mata. Manakala panel penulis ensiklopedia *al-Mawsu'ah al-Muyassarah lil Mazahib wa al-Adyan* merujuk pemikiran tidak beragama kepada semua kefahaman yang bertunjangkan humanisme seperti sekularisme, liberalisme, pluralisme dan lain-lain isme lagi.

Menurut Abdul Hadi (2009) humanisme adalah satu agenda yang berasal dari Eropah. Ia mula berkembang pada zaman Renaissance pada abad ke-15 dan 16 Masihi. Humanisme adalah satu agenda yang berpusatkan kepada nilai manusia dalam membuat keputusan. Malah Malik Badri (2012) menyifatkan humanisme merupakan agama anutan baru bagi masyarakat Barat. Menurut Harun Yahya dalam bukunya Ancaman Global Freemasonry, humanisme merupakan satu ancaman dan serangan ke atas agama. Ini berikutan fahaman ini yang menolak agama dan Tuhan yang mencipta mereka. Pemikiran yang membawa satu gerakan berpaksikan nilai kemanusiaan bertentangan dengan ajaran dalam agama Islam. Ini berikutan fahaman ini secara terang menolak agama dan Tuhan yang mencipta mereka. Pada awalnya pemikiran

humanisme ini mahu merosakkan kepercayaan masyarakat Kristian yang masih lagi percaya kepada kewujudan Tuhan. Bagaimanapun pemikiran ini mula menguasai masyarakat serta sarjana Barat dan Eropah sehingga mereka menjadi pejuang humanisme dalam segenap bidang. Perkara ini boleh dilihat daripada pandangan seorang sarjana Barat yang memberi definisi humanisme berdasarkan realiti yang dipegang oleh ramai humanis. Menurut Corliss Lamont (1997):

Humanisme meyakini bahawa alam merupakan himpunan keseluruhan daripada realiti. Material-energi dan buah fikiran merupakan bahan pembentuk alam semesta. Entiti supernatural sama sekali tidak ada. Ketidaknyataan supernatural ini pada peringkat manusia menunjukkan manusia tidak memiliki jiwa supernatural dan abadi. Manakala pada peringkat alam semesta secara keseluruhannya, kosmos kita tidak memiliki Tuhan yang supernatural dan abadi.

Definisi Corliss Lamont ini menunjukkan pemikiran humanisme meletakkan kehendak manusia sebagai matlamat dan pusat kehidupan. Kebebasan kehendak dijadikan sembah. Menurut Anis Malik Taha (2005) negara, kerajaan dan ritual agama hanya timbul setelah berlaku pertembungan dalam kehendak-kehendak tersebut. Tetapi dengan kemajuan teknologi, mereka mempromosikan globalisasi dan ianya menuju ke arah mengecilkan kembali kuasa kerajaan dan fungsi agama untuk memberi ruang kembali kepada kehendak manusia. Humanisme meletakkan manusia sebagai paksi keputusan telah mewujudkan isme lain yang seumpamanya. Walaupun istilahnya berbeza tetapi semua isme ini berpaksikan manusia dalam membuat keputusan. Arus humanisme ini bukan sahaja berkembang di Barat dan Eropah, malah kefahaman ini telah menyerap masuk ke dalam pemikiran masyarakat Islam di Malaysia (Rusydi & Norsaleha, 2010). Pemikiran humanisme ini menjadi induk kepada kelahiran kefahaman pemikiran lain seperti liberalisme, sekularisme, pluralisme dan lain-lain (Norsaleha, 2015). Daripada kefahaman humanisme inilah munculnya berbagai kefahaman isme yang lain yang keseluruhannya berpaksikan kebebasan dan hak manusia dalam membuat keputusan. Perkara ini boleh diperhatikan melalui maksud yang diguna pakai oleh isme-isme seperti liberalisme, pluralisme, sekularisme dan lain-lain.

Perkataan liberal merujuk kepada liberty atau konsep kebebasan. Menurut Mill, J. S. (1869) merujuk liberal kepada hak-hak peribadi yang berkaitan dengan cara hidup termasuk kebebasan seksual, kebebasan beragama, kebebasan pemahaman dan perlindungan dari campur tangan kerajaan di dalam kehidupan peribadi. Secara kontekstualnya gerakan feminisme ini berusaha untuk membebaskan diri mereka daripada belenggu agama dengan mendakwa peraturan agama itu menzalimi kaum wanita dan menindas kebebasan wanita. Menurut al-Silmiy (2009), aliran liberalisme mula muncul di sebelah Barat pada zaman renaissance pada kurun ke-15 Masihi. Aliran ini muncul sebagai tindak balas terhadap kekejaman dan kerakusan yang dilakukan oleh pihak gereja dan penguasa kerajaan ketika itu. Akibatnya, muncul seruan kebebasan daripada sebarang ikatan agama dan peraturan yang menyusahkan kehidupan rakyat. Gerakan ini semakin membesar dan berkembang sehingga akhirnya menjadi satu agenda baru kepada kuasa Barat untuk melebar luaskan kefahaman ini ke dalam budaya dan masyarakat Islam. Akhirnya aliran ini menjadi satu agenda penjajahan Barat ke atas dunia Islam yang bertujuan mahu menguasai dunia seluruhnya.

Pluralisme pula ialah pluralisme agama adalah satu kefahaman yang menerima persamaan antara agama dan tidak siapa yang boleh mendakwa bahawa agamanya lebih baik daripada agama orang lain. Malah pluralisme agama mendakwa setiap agama boleh menyelamatkan manusia dan layak masuk syurga. Kefahaman ini telah mempengaruhi cara berfikir umat Islam dan menimbulkan implikasi buruk kepada akidah Islam itu sendiri (Mohd. Farid, 2012). Pluralisme juga dianggap sebagai satu doktrin yang nampak cantik dan indah, menjanjikan kedamaian antara penganut agama. Walau bagaimanapun sekiranya diteliti dengan cermat, doktrin ini telah melakukan pembodohan yang luar biasa, menodai hakikat dan martabat manusia serta bertentangan dengan fitrah seorang manusia yang berhajat kepada agama yang boleh menyelamatkan hidupnya di dunia dan akhirat (Anis Malik Thoha, 2012). Menurut Yusri (2012), kesan daripada pluralisme inilah yang memberikan implikasi besar kepada cara fikir masyarakat di Malaysia apabila muncul suara yang mempertikaikan undang-undang murtad dan desakan pihak tertentu untuk menubuhkan suruhanjaya antara agama (Interfaith Commission - IFC), muncul idea perkongsian hari raya dan acara keagamaan, penggunaan kalimah Allah oleh orang-orang bukan Islam dan penggunaan ucapan salam kepada bukan Islam. Selain daripada itu, kesan pluralisme agama juga boleh diperhatikan melalui kempen I want to touch the dog yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 2014.

Manakala sekularisme merupakan satu konsep yang memisahkan manusia daripada agama. Kefahaman ini menular dengan hebat dan telah menjadi ritual masyarakat (Rusydi & Norsaleha, 2010). Malah perkataan sekularisme lebih dikenali dalam kalangan masyarakat berbanding dengan pluralisme, liberalisme dan humanisme. Perkara ini disokong oleh temu bual yang dibuat secara rawak bersama 185 orang belia Islam di seluruh Malaysia di mana 137 daripada 185 daripada mereka mengetahui secara jelas tentang sekularisme berbanding 87 orang sahaja yang mempunyai pengetahuan tentang humanisme. Menurut al-Attas (1978) istilah sekularisme, sekularisasi dan sekular tidak ada hubung kait langsung dengan Islam. Malah sekularisme merupakan agenda yang terang-terangan memusuhi Islam di mana proses sekularisme memang ditujukan untuk melawan Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik iaitu Skala Pemikiran Tidak Beragama. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat daripada sumber yang berbeza-beza menggunakan alat ukur yang berlainan (Wiersma, 2000; Gay & Airasian, 2003). Ini merupakan kajian rintis ke atas 43 orang responden dalam kalangan belia Islam yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT). Tujuan kajian rintis adalah bagi meneliti, memperbaiki, menambah nilai kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik sebenar dan mengatasi masalah-masalah dalam menjalankan kajian (Fraenkel & Wallen, 1993; Erawati, 2005). Secara khusus, kajian rintis ini dibuat adalah untuk mendapatkan maklumat awal tentang kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang akan digunakan kepada responden sebenar. Keduanya adalah untuk memastikan responden boleh memahami item-item dalam borang soal selidik. Ketiga bagi mengenal pasti pernyataan yang lemah dari segi kejelasan dan pembinaan ayat.

Kajian rintis melibatkan sebuah IPT yang tidak terlibat dengan kajian sebenar. Walau bagaimanapun sampel yang digunakan mempunyai ciri yang sama dengan kumpulan sebenar

kajian iaitu pelajar tingkatan empat. Instrumen Pemikiran Tidak Beragama telah dirintiskan ke atas 43 orang belia Islam di sebuah IPT di Daerah Sepang pada awal April 2015. Pemilihan responden dibuat secara rawak dalam kalangan belia yang mengikuti pengajian aliran pengajian Islam dan bukan pengajian Islam.

Pengkaji telah memilih Selangor sebagai tempat kajian kerana negeri Selangor mempunyai subjek dan data yang mampu menjawab persoalan serta tujuan kajian. Neuman (2006), Marohaini Yusof (2001) dan Sidek Mohd. Noah (2002) mencadangkan empat faktor untuk ditimbang dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, unfamiliarity, sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada belia Islam yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang belajar di seluruh Negeri Selangor.

Secara umumnya, kajian ini akan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif. Instrumen yang dibentuk bagi mengumpulkan data yang diperlukan ialah melalui pengedaran soal selidik yang telah dibina oleh sekumpulan penyelidik. Set soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian; Bahagian A: Latar belakang responden. Bahagian B: Maklumat tentang Pengetahuan Agama Islam. Bahagian C: Maklumat tentang Pemikiran Tidak Beragama yang mengandungi tiga konstruk utama iaitu Pengetahuan, Persepsi dan Sikap. Ketiga-tiga konstruk ini digunakan untuk mengukur elemen pemikiran tidak beragama yang terdiri daripada pemikiran humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme.

Instrumen kajian telah dibina oleh sekumpulan pakar dalam bidang masing-masing yang kemudiannya diuji melalui ujian rintis kepada sekumpulan belia Islam seramai 43 orang di salah sebuah IPT Daerah Sepang, Selangor. Ujian Cronbach Alpha bagi ujian rintis mencapai tahap  $\alpha = 0.84$  adalah tinggi. Sebanyak 43 soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian rintis. Data yang dikumpulkan daripada 43 orang sampel rintis diproses dua kali untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang digunakan. Seterusnya data dibersihkan serta menyingkirkan sebarang outliers yang mengganggu.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melaporkan dapatan kajian rintis yang berkaitan profil kajian dan tahap pemikiran tidak beragama responden. Analisis deskriptif frekuensi dan peratusan digunakan untuk menerangkan profil responden kajian. Manakala analisis deskriptif min, sisihan piawai dan peratus digunakan bagi mengenal pasti tahap Pemikiran Tidak Beragama.

### Profil Kajian

Kajian profil dilakukan kepada 43 orang belia Islam yang belajar di salah sebuah institusi pengajian tinggi di negeri Selangor (sila rujuk jadual 1) bagi mengenal pasti profil responden kajian.

Jadual 1: Profil sampel mengikut jantina, status dan taraf pendidikan ibu bapa.

Faktor	Kategori	N	Peratus
Jantina	Lelaki	23	53.5



Umur	Perempuan	20	46.5
	25 ke bawah	42	97.7
	26 ke atas	01	2.3
Lokasi kediaman	Bandar	27	62.8
	Luar Bandar	16	37.2
Pendapatan dalam keluarga	Bawah RM5,000	30	20.4
	RM5,000-RM9,999	10	69.9
	Atas RM10,000	3	10.1
Bidang Pengajian	Pengajian Islam	28	65.1
	Bukan Pengajian Islam	15	34.9
<b>Jumlah</b>		<b>43</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual 1 kajian dilaksanakan kepada seramai 23 orang responden (53.5%) lelaki dan 20 orang (46.5%) responden perempuan. Ini menunjukkan jumlah responden lelaki melebihi jumlah responden perempuan dalam kajian ini. Dari segi umur hampir kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini berumur 25 tahun ke bawah seramai 42 orang responden (97.7%). Manakala hanya seorang responden (2.3%) berumur 26 tahun ke atas. Merujuk kepada lokasi kediaman pula seramai 27 responden (62.8%) berasal dari bandar. Manakala seramai 16 orang responden (37.2%) berasal dari luar bandar. Merujuk kepada pendapatan dalam keluarga seramai 30 orang responden (69.9%) mempunyai pendapatan bawah RM5,000. Manakala 10 orang responden (20.4%) mempunyai pendapatan RM5,000 – RM9,999 dan 3 orang responden (10.1%) mempunyai pendapatan dalam keluarga atas RM10,000. Merujuk kepada bidang pengajian pula, seramai 28 orang responden (65.1%) adalah pengajian Islam. Manakala 15 orang responden (34.9%) mempunyai latar belakang pengajian bukan pengajian Islam.

Kajian profil juga diteruskan untuk mengenal pasti penghayatan Islam responden dalam kehidupan, gred pendidikan Islam dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sejauh mana responden mengambil berat terhadap ceramah agama serta medium yang digunakan oleh responden bagi mendapatkan pengetahuan Islam (sila rujuk jadual 2).

Jadual 2: Profil sampel berdasarkan penghayatan, gred pendidikan Islam dan kecenderungan agama

Faktor	Kategori	N	Peratus
Penghayatan Islam dalam kehidupan	Tidak mengambil berat	1	2.3
	Kurang mengambil berat	10	23.3
	Mengambil berat	32	74.4
Gred Pendidikan Islam SPM	A	30	97.7
	B	10	2.3
	C	3	7.0
Mengikuti ceramah agama	Tidak mengambil berat	1	2.3
	Kurang mengambil berat	11	25.6
	Mengambil Berat	31	72.1
Medium yang digunakan bagi mendapat pengetahuan Islam	Buku/majalah/akhbar	14	32.6
	Seminar/kursus/bengkel	3	7.0
	Media sosial/elektronik	20	46.5

	Rakan-rakan	2	4.7
	Lain-lain	4	9.3
<b>Jumlah</b>		<b>43</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual 2, seramai 32 orang responden (74.4%) mengambil berat tentang penghayatan Islam dalam kehidupan, 10 orang responden (23.3%) kurang mengambil berat dan hanya seorang responden (2.3%) tidak mengambil berat. Dapatan dari soal selidik juga menunjukkan 30 orang responden (97.7%) mendapat gred A dalam Pendidikan Islam di peringkat SPM. Seramai 10 orang responden (23.2%) responden mendapat gred B dan selebihnya 3 orang responden (7.0%) responden mendapat Gred C. Merujuk kepada kecenderungan dan minat responden mengikuti ceramah agama menunjukkan 31 orang responden (72.1%) mengambil berat, 11 orang responden (25.6%) kurang mengambil berat dan hanya seorang responden (2.3%) tidak mengambil berat. Manakala medium yang digunakan oleh responden bagi mendapat pengetahuan Islam menunjukkan seramai 20 orang responden (46.5%) mendapat pengetahuan Islam dari media sosial / elektronik, 14 orang responden (32.6%) mendapat pengetahuan Islam dari buku/ majalah dan akhbar. Manakala 4 orang responden (9.3%) lain-lain, 3 orang responden (7.0%) mendapat dari seminar/ kursus/ bengkel dan 2 orang responden (4.7%) mendapat pengetahuan Islam dari rakan-rakan.

### Tahap pemikiran Tidak Beragama

Tahap pemikiran tidak beragama terbahagi kepada tiga domain iaitu aras pengetahuan, persepsi dan sikap responden (sila rujuk jadual 3). Jadual 3 di bawah menunjukkan tahap pemikiran tidak beragama responden secara keseluruhan dan pecahan setiap domain tahap pemikiran tidak beragama. Kajian juga dilakukan untuk melihat tahap pengetahuan Islam responden secara umum (sila rujuk jadual 3).

Jadual 3: Tahap Pemikiran Tidak Beragama dan Pengetahuan Islam Belia

Domain utama	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Pemikiran tidak beragama	2.55	0.28	Rendah
Pengetahuan	4.41	0.44	Tinggi
Persepsi	1.96	0.54	Rendah
Sikap	1.28	0.31	Rendah
Pengetahuan Agama Islam	4.94	0.15	Tinggi

Dalam jadual 3 di atas, secara keseluruhan tahap pemikiran tidak beragama dalam kalangan responden adalah rendah (min = 2.55,  $p = 0.28$ ), manakala skor min bagi domain pengetahuan terhadap pemikiran tidak beragama adalah tinggi (min = 4.41,  $p = 0.44$ ). Manakala domain persepsi (min = 1.96,  $p = 0.54$ ) dan domain sikap (min 1.28,  $p = 0.31$ ) adalah rendah. Ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap elemen pemikiran tidak beragama seperti humanisme, liberalisme, sekularisme dan pluralisme. Walau bagaimanapun persepsi dan sikap responden terhadap pemikiran tidak beragama menunjukkan skor min yang rendah. Keadaan ini menggambarkan responden mempunyai kesedaran dan kurang terpengaruh

dengan pemikiran tidak beragama. Hal ini dapat diperhatikan melalui jawapan responden kepada instrumen soal selidik yang diedarkan. Hasil analisis soal selidik ini menunjukkan pengetahuan terhadap elemen tidak beragama dalam kalangan responden secara tidak langsung mempengaruhi persepsi dan sikap responden. Namun dapatan ini masih membimbangkan kerana terdapat juga responden secara tidak sedar atau pun tidak terpengaruh dengan gejala tidak beragama. Kenyataan ini dibuktikan melalui skor min bagi domain persepsi ( $\text{min} = 1.96$ ) serta sikap ( $\text{min} = 1.28$ ) responden terhadap elemen pemikiran tidak beragama. Kajian juga dilakukan terhadap responden bagi mengenal pasti tahap pengetahuan Islam mereka secara umum. Data menunjukkan tahap pengetahuan Islam responden adalah tinggi, berbanding tahap pemikiran tidak beragama responden adalah rendah.

Seterusnya kajian juga dibuat untuk mengenal pasti tahap pemikiran tidak beragama berdasarkan kategori pemikiran yang merangkumi aspek humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme (sila rujuk jadual 4).

Jadual 4: Tahap Pemikiran Tidak Beragama Belia Islam Berdasarkan Kategori

Kategori	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Humanisme	2.94	0.37	Rendah
Sekularisme	2.42	0.32	Rendah
Pluralisme	2.16	0.43	Rendah
Liberalisme	1.97	0.29	Rendah

Jadual 4 di atas menunjukkan dapatan kategori pemikiran tidak beragama responden. Aliran pemikiran yang dikaji terbahagi kepada empat kategori iaitu aliran humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme. Jadual 4 di atas, menunjukkan pemikiran humanisme mencapai tahap skor min yang paling tinggi (2.94,  $p = 0.37$ ), diikuti oleh sekularisme ( $\text{min} = 2.42$ ,  $p = 0.32$ ), pluralisme ( $\text{min} = 2.16$ ,  $p = 0.43$ ) dan liberalisme ( $\text{min} = 1.97$ ,  $p = 0.29$ ). Walau bagaimanapun, secara keseluruhan skor min bagi keempat-empat elemen tersebut adalah rendah. Ini menunjukkan tahap pemikiran tidak beragama responden masih lagi berada pada tahap yang rendah dan pengetahuan Islam responden berada pada skor yang tinggi.

## KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti belia sangat mengambil berat tentang Islam. Ini disokong dengan faktor-faktor yang menyumbang terhadap penghayatan Islam iaitu tahap pendidikan, minat mengikuti ceramah agama dan peranan media sosial. Manakala tahap pengetahuan belia terhadap pemikiran tidak beragama berada di tahap yang sangat memuaskan, selari dengan persepsi dan sikap yang berada di tahap yang sederhana rendah. Ini menunjukkan pengetahuan agama dan pengetahuan kepada pemikiran tidak beragama mempengaruhi persepsi dan sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama. Walau bagaimanapun, skor min bagi persepsi dan sikap belia yang mencapai tahap sederhana rendah itu menggambarkan bagaimana tahap pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia Islam berada pada tahap yang agak membimbangkan. Ini disokong dengan pemikiran belia berkaitan aliran humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme berada pada tahap sederhana rendah. Ini dibuktikan dengan kes-kes murtad yang berlaku di Malaysia, walaupun mereka telah murtad tetapi mereka

berpura-pura melaksanakan ajaran Islam seperti kes Elena, Esther, Joshu dan lain-lain. Ini menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan berkaitan ajaran Islam tetapi sikap dan persepsi mereka sangat lemah berkaitan ajaran Islam sehingga memudahkan mereka murtad dan terpesong daripada ajaran Islam. Ini disokong dengan kajian bahawa belia pengajian Islam perlu bertanggungjawab memastikan perkembangan isu-isu semasa digerakkan selaras dengan tuntutan tradisi pengajian iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Kekuatan jati diri dan sikap belia terhadap al-Quran dan al-Sunnah akan mampu menangkis serangan-serangan pemikiran seperti aliran Humanisme, Sekularisme, Pluralisme dan Liberalisme.

## RUJUKAN

- Abdul Hadi Mustaqim. 2010. Humanisme dalam pemikiran AbdurRahman Wahid. Tesis Sarjana. Universiti Islam Sunan Kalijaga. Jogjakarta.
- Ahmad Farouq Musa. 2014. Pengajaran yang tidak berkesudahan terhadap Negara Islam. Dlm. Ahmad Farouk Musa. 2014. Wacana Pemikiran Reformis. Jil II. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.
- Anis Malik Thoha. 2005. *al-Ta'adudiyah al-diniyah ru'yah Islamiyah*. Gombak: UIAM.
- Ary, D., Jacobs, L. C. & Razavieh, A. 1996. *Introduction to research in education*. Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publishers.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Azma Mahmood. 2006. Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Bangi: UKM.
- Babbie, E. R. 2001. *The practise of social research*. Ed. ke-9. USA: Thompson Learning.
- Berenson, M. L. & Levine, D. M. 1992. *Basic business statistics: Concepts and applications*. Ed. Ke-5. New Jersey: Prentice Hall.
- Corliss Lamont. 1997. *Philosophy of Humanisme*. Half-Moon Foundation, Inc.
- Erawati Toelis. 2005. Pengaruh iklim kerjasama, motivasi kerja dan gaya kepemimpinan pengetua terhadap kepuasan kerja guru. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan: UKM.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. 1993. *How to design and evaluate research in education*. Ed. Ke-2. New York: McGraw Hill Inc.
- Gay, L. R. & Airasian, P. 2003. *Educational research: Competencies for analysis and applications*. Ed. ke-7. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad ibn Muḥammad. 2005. *Iḥyā' ulūm al-dīn*. Kaherah: Dār al-Tauzī' wa al-Nashr al-Islāmiyyah.
- Kerlinger, F. 1973. *Foundations of behavioral research*. Ed. ke-2. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kerlinger, F. 1986. *Foundations of behavioral research*. Ed. ke-2. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Malik Badri. 1979. *The dilemma of Muslim psychologist*. London: MWH London.
- Malik Badri. 2012. Seminar Homoseksual dan Gender dalam Perspektif Islam dan Psikologi. Selasa 29/5/2012. Universitas Ibnu Khaldun.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mill, J. S. 2001. *On liberty 1859*. Canada: Batoche Books Kitchener.
- Mohd. Farid Mohd. Shahrar. 2012. Akidah Islam dan faham pluralisme agama. Dlm. Ismail Mina. Pluralisme agama satu gerakan iblis memurtadkan ummah. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- Neuman, W. Lawrence. 2006. *Social research methods*. Ed. Ke- 5. New York: Pearson Education Inc.
- Norsaleha Mohd. Salleh. 2015. Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Bangi. UKM.
- Rafidah Hanim Mokhtar. 2015. Sejarah gerakan feminisma. Dlm Norbahiah Misran, Norsaleha Mohd Salleh, Zakiah Abd. Rahman dan Suriani Sudi. 2015. Wanita dan cabaran globalisasi. Putrajaya: Konwanis Consultansy.
- al-Rāwīy, Fu'ād Muḥsin. 2009. *al-Fikr al-Islamiy fī Muwājahah al-Fikr al-Gharbiy*. Amman: dār al-Makmūn li al-Nashr wa al-Tauzī'.
- Rusydi Alias & Norsaleha Mohd. Salleh. 2010. Pemikiran al-Banna dan ideologi Barat: Pertembungan dua agenda. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Konvensyen pemikiran Hasan al-Banna dalam melakar agenda bangsa. 30 Januari 2010. Dewan Seri Sarjana, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kampus Putrajaya.
- Sekaran, Uma. 2003. *Research methods for business*. Ed. Ke- 4. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sidek Mohd. Noah. 2002. *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang: Perkhidmatan Percetakan FPP.
- al-Silmiy. 'Abd al-Raḥīm Ṣamāyil. 2009. *Haqīqat al-Librāliyyah wa Mawqif al-Islām Minhā*. Jeddah: Markaz al-Ta'sīl li al-Dirāsāt wa al-Buhūth.
- Spilka, B., Hood, P. W., Hunsberger, B. & Gorsuch, R. 2003. *The psychology of religion an empirical approach*. Ed. Ke-3. New York: The Guilford Press.
- Ulwān, 'Abd al-Allāh Nāsih. 2003. *Pendidikan kanak-kanak dalam Islam*. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Wan Ainal Yaqin Wan Zulkefli. 2008. Pengetahuan belia tentang konsep dan aktiviti yang dikaitkan dengan modal insan. Tesis Master. Fakulti Ekologi Manusia. UPM.
- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: An introduction*. Needham Heights: A Division of Simon & Schuster Inc.
- William J. McKinney, Jr. 1972. Reviewed Work: The Culture of Unbelief by Rocco Caporale, Antonio Grumelli. *Journal of Review of Religious Research*. Vol. 14, No. 1, Religious Commitments, Roles, and Organizations. pp. 47-50.
- Yusri Mohamad. 2012. Ancaman pluralisme agama di Malaysia. Satu tinjauan awal. Dlm. Ismail Mina. Pluralisme agama satu gerakan iblis memurtadkan ummah. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- <http://www.projekdialog.com/author/faisal/> (2 Ogos 2015)
- [http://edisi-politik.blogspot.com/2012/04/barisan-nasional\\_22.html](http://edisi-politik.blogspot.com/2012/04/barisan-nasional_22.html) (8 Feb 2013)
- <http://www.projekdialog.com/featured/ada-apa-dengan-tuhan/> (29 Mac 2014)